

Oleh Hidayah Mohammad  
hid\_mohd@bh.com.my

Bertemakan *Rugged Nomad*, jenama Jeep Spirit mengetengahkan koleksi khas untuk pengembala yang aktif menjelajah dunia. Menggalakkan pengembala berfikiran terbuka di samping menerima budaya asing, rangkaian koleksi terbaru itu melengkapi keperluan seisi keluarga yang mementingkan keselesaan berpakaian.

Koleksi terbaru itu, Jeep memampulkan rekaan ringkas dengan potongan moden dan ranggi. Mengutamakan kualiti dan mutu rekaan untuk lelaki, wanita dan kanak-kanak supaya mereka dapat menikmati pengalaman baru ketika mengembala.

Menggemari cabaran, Jeep memperkenalkan rekaan fleksibel dan serba boleh bagi jajaka dengan mempertingkatkan potongan seluar kargo dan denim. Kemeja-T berkollar dan Polo-T pula hadir dalam cetakan corak dan warna terbaru.

Kemeja Chambray juga diperkenalkan, manakala rekaan jaket ala tentera pula disegarkan dengan fabrik ringan untuk keselesaan pemakaian mengembala pada musim panas.

Untuk pengembala wanita, Jeep menyediakan kemeja dan + gaun daripada fabrik korduroi

## Selesa mengembala



» **Fesyen moden, ranggi lengkapi keperluan seisi keluarga**

yang diperbaharui dengan cetakan bunga terang dalam warna alam semula jadi seperti biru, merah, kuning dan kuning air.

Potongan untuk kemeja Chambray dan korduroi pula lebih sesuai untuk wanita yang gemar bergaya, selain seluar kargo, jeans dan leggings pula didapati dalam warna asas iaitu biru, coklat

dan hitam yang sesuai dipadankan dengan kemeja-T berkollar bulat.

### Rekaan kanak-kanak


Melengkapkan koleksi keluarga, Jeep Kids menawarkan rekaan warna-warni dengan gaya lebih sporty dan santai.

Kanak-kanak lelaki pula boleh menggayaikan koleksi

seluar pendek kargo dan jeans yang sesuai dipadankan dengan pelbagai kemeja-T dan Polo-T bermotifkan jalur dan corak grafik rona ceria.

Untuk kanak-kanak perempuan koleksi terbaru menampilkan denim kasual dan gaun korduroi yang selesa dan bergaya.

Harga bermula dari RM39 hingga RM399.



Mengembala sambil bersantai dengan koleksi terbaru Jeep.

# Tawaran HEBAT!


Nikmati penjimatan sehingga

**50%**

**LANGGANI SEKARANG!**

<http://subscription.nstp.com.my>

1300 22 6787 boleh didapati di



**PAKEJ 12 BULAN**  
+ NST DIGITAL  
**RM250**  
Biasa RM435.20



+ NST + BH + HM  
Biasa RM1,568.20  
**PAKEJ 12 BULAN**  
**RM800**



**PAKEJ 12 BULAN**  
+ DIGITAL BH  
**RM300**  
Biasa RM567.50



+ NST + BH + HM  
Biasa RM1,000.70  
**PAKEJ 12 BULAN**  
**RM650**



+ NST DIGITAL + BH  
Biasa RM1,000.70  
**PAKEJ 12 BULAN**  
**RM500**



**PAKEJ 12 BULAN**  
+ HM ePaper  
Biasa RM67.50  
**PAKEJ 12 BULAN**  
**RM450**



+ BH + HM ePaper  
Biasa RM1,135.00  
**PAKEJ 12 BULAN**  
**RM650**